

**Ucuptama**  
**Ybhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Bin Suaidi**  
**Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak**

**Seminar Kepustakawanan 2013: Transformasi Perpustakaan Ke Arah  
Pembudayaan Ilmu**

**Di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti  
Malaysia Sarawak**

**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.  
Salam 1Malaysia

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib  
Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Dihormati, Tn Haji Amir Hussain Md. Ishak, Ketua Pustakawan  
Universiti Putra Malaysia merangkap Pengerusi Persidangan Ketua  
Pustakawan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN) dan Majlis Ketua  
Pustakawan IPTA.

Yang Berusaha Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan, UNIMAS,

Tn Haji Abu Bakar Ibrahim, Pemangku Pendaftar UNIMAS,

Tn Haji Mazlan Kiflie, Bendahari UNIMAS

Ketua-Ketua Pustakawan dari IPTA dan IPTS Seluruh Malaysia

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Dekan

Para Pustakawan dan Pegawai Pengurusan UNIMAS

Staf UNIMAS dan rakan-rakan media yang dihormati sekalian

## MUKADDIMAH

Hadirin sekalian,

- Pertamanya, saya ingin melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis Seminar Kepustakawanan 2013 pada pagi yang berbahagia ini.
- Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak PKMA kerana telah mengundang saya untuk menyampaikan ucap tama bertajuk "**Memasyarakatkan Institusi Perpustakaan**" pada Seminar Kepustakawanan 2013 ini.
- Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua pembentang dan peserta seminar. Semoga tuan/puan semua beroleh manfaat iaitu ilmu pengetahuan dan seterusnya mencapai objektif seminar ini.
- Saya percaya penganjuran Seminar Kepustakawanan seumpama ini menjadi satu platform yang signifikan kepada para peserta kerana ia akan mengupas dan memberi perspektif baru iaitu, termasuk ilmu dan penemuan terkini dalam dunia kepustakawanan untuk terus relevan dan berinovasi seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada pengguna.

## MEMASYARAKATKAN INSTITUSI PERPUSTAKAAN

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

5 Perkataan perpustakaan (*library*) adalah daripada Latin "*Liber*",

“book”. Secara tradisinya perpustakaan merupakan koleksi buku-buku yang digunakan pembacaan dan pembelajaran atau bangunan atau bilik di mana koleksi buku tersimpan (Encyclopaedia Britannica, 2013).

Perpustakaan pertama merupakan arkib daripada penulisan awal di atas tablet tanah liat dalam bentuk *cuneiform script* yang ditemui di Sumer pada awal 2600 BC. Penulisan ini telah menjadi tanda tamatnya zaman pra sejarah yang mana manusia hidup berpindah randah kepada permulaan sejarah peradaban manusia (Casson, 2002).

Bukti juga menunjukkan bahawa tahun 700 BC terdapat kewujudan perpustakaan di Nineveh, ibu negara Empayar Assyrian yang terletak di dataran timur Sungai Tigris. Perpustakaan persendirian yang mengandungi buku-buku bertulis telah wujud semasa abad ke 5 BC dalam zaman klasik Greece.

Dalam abad ke 6, hampir dengan zaman klasik, perpustakaan besar Mediteranean adalah daripada *Constantinople* dan *Alexandria*. Dari abad ke 15, di tengah dan utara Itali, perpustakaan telah dijadikan pusat pertemuan para cedikawan.

Di Asia pula, *Tianyi Pavilion Library* yang ditubuhkan pada tahun 1561 oleh Fan Qin dalam zaman pemerintahan Dinasti Ming merupakan perpustakaan peribadi tertua yang masih wujud di negara China (Ningbo Municipal People's Government, 2011).

Di Malaysia, sejarah penubuhan perpustakaan bermula pada tahun 1956, apabila Malayan Library Group (MLG) menghantar memorandum iaitu, *Public Library Services for the Federation of Malaya*. Penglibatan masyarakat / komuniti dalam usaha sehingga tertubuhnya Perpustakaan Negara Malaysia dapat dilihat melalui rentetan peristiwa, iaitu pada tahun 1959-1961, usaha ke arah menubuhkan Perpustakaan Negara digerakkan oleh beberapa badan professional, persatuan dan pertubuhan seperti Persatuan Perpustakaan Malaysia, organisasi swasta dan orang perseorangan.

Pada tahun 1962, Yayasan Lee yang diasaskan oleh Dr Lee Kong Chian menyumbangkan derma sebanyak setengah juta ringgit bagi memulakan tabung Perpustakaan Negara. Akhirnya pada 1 September 1972, perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia dibuka kepada awam di Bangunan UMBC, Kuala Lumpur (Perpustakaan Negara Malaysia, 2013).

## **6 Persepsi Pemegang Taruh dan Komuniti Terhadap Keberkesanan Perpustakaan**

Sidang hadirin sekalian,

Perkembangan semasa yang melibatkan ekspektasi pemegang taruh dan kehendak pengguna memerlukan perpustakaan sentiasa bersedia dari pelbagai aspek. Daripada pekhidmatan secara bersemuka mahupun secara maya.

Dalam pada itu, dengan kesedaran orang awam terhadap mutu

perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, perpustakaan perlu menyatakan dengan jelas visi dan misi yang mendokong dasar-dasar semasa kerajaan dan organisasi. Pernyataan visi dan misi bukanlah hanya menjadi verbatim dalam buku-buku panduan serta di laman web perpustakaan. Ianya mestilah dihayati oleh seluruh warga perpustakaan bagi memastikan perkhidmatan yang lestari dan sentiasa relevan.

Bagi pemegang taruh pula, setiap pelaburan samada dalam bentuk kewangan mahupun sumber manusia yang diberikan kepada institusi perpustakaan mestilah dapat memberikan impak kepada kumpulan sasaran dan masyarakat melalui program-program yang strategik dan terancang.

## 7 **Strategi Memasyarakatkan Perpustakaan**

Sidang hadirin yang dihormati sekalian

Ilmu pengetahuan memainkan peranan besar dalam sejarah peradaban manusia dalam pembentukan masyarakat berilmu. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh perpustakaan dalam mendekati institusi ini kepada masyarakat, antaranya:

- Sambutan Hari Buku Sedunia. Hari Buku Sedunia telah disambut buat pertama kalinya pada 23 April 1995. Dari segi sejarah, hubungan antara 23 April dan buku telah mula dibuat pada 1923 oleh penjual buku di Sepanyol sebagai penghormatan kepada seorang pengarang berbangsa Sepanyol tersohor, iaitu Miguel de Cervantes yang meninggal

dunia pada 22 April 1616 dan dikebumikan pada 23 April pada tahun tersebut. Selain menulis puisi Miguel de Cervantes juga merupakan seorang tentera (Wikipedia, 2013).

Dalam tahun 1995, UNESCO mengambil keputusan untuk mengisytiharkan Hari Buku dan Hakcipta disambut pada tarikh tersebut juga sebagai memperingati ulangtahun kematian penulis tersohor William Shakespeare, Miguel de Cervantes, Inca Garcilaso de la Vega (seorang ahli sejarah dan penulis yang banyak menyumbang kepada penulisan mengenai sejarah dan peradaban *Inca*) dan Josep Pla (juga merupakan seorang wartawan), juga sempena kelahiran Maurice Druon (penulis novel dari Perancis), Manuel Mejía Vallejo (wartawan dan penulis berbangsa Colombia) and Halldor Laxness (penulis abad ke 21, warganegara Iceland), (Wikipedia, 2013).

Walaupun sambutan Hari Buku Sedunia merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh kebanyakan perpustakaan dan diraikan bersama ahli masyarakat yang dijemput daripada warga sekolah, pertubuhan sukarelawan dan warga institusi pengajian tinggi dan sebagainya, kita berharap ianya diisi dengan program-program sepanjang tahun selain daripada program seperti Bicara Buku dan penyampaian penghargaan kepada ahli yang membuat pinjaman tertinggi dalam pelbagai kategori.

Perpustakaan Negara Malaysia telah membuka

Perpustakaan-Perpustakaan Komuniti di pusat-pusat membeli belah. Buat masa ini khidmat perpustakaan sedemikian telah dilaksanakan di sekitar lembah Klang iaitu, di AEON Jusco di Mahkota Cheras dan AEON Jusco AU3 di Wangsa Maju. Selain itu Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang juga telah membuka tiga cawangan perpustakaan di pusat membeli belah iaitu di Komtar (Kompleks Tunku Abdul Razak di George Town, Kompleks Mayang di Bayan Baru dan AEON Jusco di Seberang Perai City. Ini menunjukkan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa kita boleh membaca, sambil membeli belah kita juga boleh singgah dan membaca sebagaimana kita lihat negara jiran kita yang terdekat ia itu, di Singapura. Perpustakaan Negara yang terletak di lokasi strategik di pusat bandar dan menjadi tumpuan rakyat seolah-olah kita mengunjungi pusat membeli belah.

Tahniah kepada Perpustakaan di Malaysia hari ini yang telah menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya institusi mahupun organisasi haruslah merakyatkan perkhidmatan mereka secara strategik, seiring dengan inspirasi kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu dan bemaklumat dan akhirnya memaju modal insan yang cemerlang dan berinovasi. Perpustakaan sebagai institusi sumber ilmu dan maklumat juga seharusnya memasyarakatkan perpustakaan kerana perpustakaan merupakan gedung khazanah ilmu warisan negara dan sudah semestinya memainkan peranan yang sangat penting di dalam menyumbang ke arah

mencapai aspirasi kerajaan tersebut. Saya berharap satu hari nanti akan ada perpustakaan-perpustakaan di pusat membeli belah di seluruh negara, akan menjadi sinonim pergi ke pusat membeli belah bukan sekadar membeli belah tapi juga untuk menimba ilmu pengetahuan.

Bagi perpustakaan akademik pula, pendekatan sambutan Hari Buku Sedunia mungkin berbeza, selaras dengan fungsinya yang menyokong pengajaran pembelajaran, penyelidikan dan perkembangan inovasi sesebuah institusi. Program *University Community Engagement (UCE)* yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Universiti-Universiti bertujuan untuk mendekatkan lagi masyarakat dengan institusi pengajian tinggi melalui program-program kemasyarakatan. Perpustakaan boleh memainkan peranan di sini dengan menyumbang ke arah pembudayaan membaca yang seterusnya membawa kepada pembelajaran sepanjang hayat. Ini juga selari dengan matlamat kerajaan untuk menjana modal insan yang berpengetahuan luas dan berinovasi supaya dapat menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara berasaskan *R & D*. Ini sudah pasti akan membawa kepada kesejahteraan rakyat.

- Program *Outreach*/Khidmat Komuniti

Program jangkauan/Khidmat Komuniti bagi membolehkan perpustakaan berinteraksi dengan komuniti sasaran. Jalinan pintar boleh diwujudkan di antara perpustakaan dengan masyarakat sekeliling. Perkembangan sebegini amat positif



di mana banyak perpustakaan samada perpustakaan akademik mahu pun perpustakaan awam menubuhkan unit atau kumpulan khas yang bertanggungjawab untuk menyusun program-program secara terancang dan teratur. Program sebegini juga boleh dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan agensi-agensi NGO yang lain.

Sasaran mungkin terdiri daripada sekolah-sekolah, perpustakaan-perpustakaan Desa yang dijadikan sekolah/perpustakaan angkat, tempat-tempat ibadat dan pusat-pusat rekreasi. Pelbagai aktiviti dilaksanakan oleh perpustakaan bagi pengisian program ini, antaranya ialah sumbangan sumber ilmu dan bantuan menceriakan serta susun atur pusat sumber sekolah, bilik sumber tempat-tempat ibadat dan juga sudut maklumat pusat rekreasi yang menjadi tumpuan orang ramai. Secara tidak langsung, akan meningkatkan kesedaran komuniti yang terlibat tentang kepentingan sumber ilmu pengetahuan dan memupuk budaya membaca bagi meningkatkan nilai kehidupan mereka. Walau apapun bagi memastikan kelestarian program, lawatan-lawatan susulan perlu dilakukan supaya program-program tidak dilaksanakan secara *adhoc*.

Antara contoh yang dapat kita lihat *Bookshare Program*. Program sokongan kepada budaya membaca ini melibatkan kerjasama antara Persatuan Pustakawan Pustakawan Malaysia, Kumpulan Sarawak (PPMKSAR), Pustaka Negeri Sarawak, Pusat Khidmat Maklumat Akademik UNIMAS,

Hospital Umum Sarawak dan Perpustakaan Universiti Swinburn. Kotak-kotak *Bookshare* ditempatkan di lokasi-lokasi tersebut. Sehingga 19 Jun 2013, hasil sumbangan daripada komuniti, sebanyak 1198 buah buku telah berjaya dikumpulkan dan diagihkan ke Surau Kampung Bomba, Matang, Surau Al-Quddus, Taman Sri Wangi Matang dan Masjid Kampung Senah, Rayang, Padawan (PPM Kumpulan Sarawak, 2013).

Dengan penglibatan semua peringkat dalam program sebegini akan membantu meningkatkan minat membaca seterusnya mencintai ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat kita.

- Penyediaan Kemudahan

Penyediaan kemudahan-kemudahan yang menarik perhatian kepada masyarakat misalnya Inisiatif Kampung Tanpa Wayar dan Komputer Satu Malaysia akan merapatkan jurang ICT (*Digital Divide*) di antara penduduk kawasan luar bandar dan bandar.

Hari ini, penggerak utama kemajuan dan kemodenan dipengaruhi oleh perkembangan ICT. Ledakan maklumat dan perkembangan ilmu pengetahuan juga bergantung kepada kecanggihan teknologi maklumat. Masyarakat hari ini rata-rata tidak ketinggalan mengikuti kepesatan dunia ICT dan merupakan masyarakat yang hidup dalam globalisasi yang

berorientasikan sains dan teknologi maklumat. Kebergantungan kepada dunia ICT dapat dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat, di antaranya budaya kehidupan tanpa wayar iaitu penggunaan telefon pintar oleh generasi hari ini seperti Ipad, Iphone, Itab dan pelbagai lagi yang terus menghubungkan mereka dengan maklumat tanpa sempadan melalui jalur lebar. Dengan wujudnya budaya sebegini Perpustakaan perlu mengeksploitasikan perkembangan dalam dunia ICT ini untuk menyemarakkan lagi penyebaran ilmu dalam kalangan masyarakat. Ini dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat berilmu seperti terkandung dalam Wawasan 2020 negara.

Pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan misalnya rebat telefon pintar RM200, kemudahan internet percuma setiap 30 minit setiap hari, inisiatif kampung tanpa wayar. Melalui usaha kerajaan inilah diharapkan dapat membudaya dan mendekatkan masyarakat dengan ilmu pengetahuan kerana pembacaan tidak terhad kepada bahan dalam bentuk buku sahaja tetapi kepada sumber elektronik iaitu dengan kewujudan perpustakaan digital, buku elektronik, jurnal elektronik dan pelbagai pangkalan data yang secara tidak langsung merancakkan dunia keilmuan dan pembacaan dalam kalangan masyarakat.

#### d. Penyediaan Koleksi

Penyediaan koleksi yang pelbagai dan relevan, sesuai dengan kehendak pengguna dan masyarakat adalah penting

bagi memastikan sumber ilmu terkini serta pengaksesan yang pantas dan berkesan. Inisiatif pendigitalan bahan terutama bahan-bahan tempatan yang tidak diterbitkan adalah usaha yang sangat baik. Projek-projek Repositori Institusi yang dipelopori oleh perpustakaan-perpustakaan masa kini bagi memberikan peluang kepada masyarakat mengakses sumber ilmu tanpa sempadan dan 24x7 hari boleh dipertingkatkan dan dimantapkan lagi melalui jalinan strategik supaya ianya berkesan kos.

Projek U-Pustaka/*Ubiquitous library* yang disediakan oleh jaringan Perpustakaan Negara Malaysia dengan 8 Perpustakaan Awam seluruh Negara merupakan usaha yang sangat baik di mana objektifnya adalah untuk membuka ruang pengaksesan maklumat kepada masyarakat di mana jua mereka berada (u-Pustaka, 2013).

Untuk ianya lebih berkesan perkhidmatan ini bolehlah diperluaskan kepada lebih banyak lagi perpustakaan supaya wujudnya satu koleksi yang komprehensif dan mantap untuk disajikan kepada masyarakat.

e. Sumber manusia yang terlatih dan kompeten

Perpustakaan yang mempunyai sumber manusia yang terlatih dan kompeten serta berketrampilan dan berpengetahuan luas mengenai koleksi sumber ilmu yang disediakan akan dapat memberikan keyakinan dan tarikan kepada pengguna untuk berkunjung ke perpustakaan. Justeru itu para pustakawan hendaklah melengkapkan diri supaya sentiasa peka kepada perubahan yang berlaku di sekeliling tak kira

dari segi sosial, ekonomi atau pun teknologi. Kerana dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang lestari dan relevan akan dapat menghasilkan kreativiti dan inovasi.

#### f. Perpustakaan Sebagai Pusat Pembelajaran

Generasi sekarang, jika diperhatikan, begitu taksub dengan penggunaan peralatan ICT sebagai gaya hidup masakini, dan boleh dikatakan hampir semua memiliki komputer riba dan telefon pintar. Pelajar-pelajar terutama di IPT tidak lagi mengusung fail-fail nota dan buku-buku teks yang tebal apabila memasuki perpustakaan. Ada yang hanya membawa pelbagai jenis *tablet* dan telefon pintar apabila memasuki perpustakaan. Nota-nota kuliah juga disediakan secara atas talian, misalnya penggunaan aplikasi *Morpheus* di UNIMAS yang memudahkan pelajar berinteraksi dengan pensyarah mereka. Ini telah mengubah pengalaman pembelajaran mereka. Oleh itu, perpustakaan perlu seiring melakukan transformasi secara berterusan samada dari segi ruang fizikal dan maya. Pelbagai ruang bagi memenuhi kehendak pengguna masa kini yang memerlukan pelbagai cara penggunaan dan pengaksesan maklumat adalah amat penting. Selain itu, perpustakaan juga perlu menyediakan ruang sosial dan santai yang membolehkan interaksi dalam kalangan pengguna. Sebagai contoh penyediaan *café* seperti yang diamalkan disesetengah perpustakaan.

Dalam membantu pengguna mengesan sumber ilmu dengan cepat dan tepat, perpustakaan perlu menyediakan aplikasi pencarian yang berkemampuan setanding *google* dengan

menyediakan *one stop access point* kepada sumber ilmu yang disediakan oleh perpustakaan.

Persaingan para graduan bagi mendapatkan pekerjaan telah menyebabkan semua institusi pengajian tinggi melakukan penjenamaan dalam pelbagai cara. Para pelajar perlu dipersiapkan dari segi akademik dan pengetahuan yang luas sebelum menempuh realiti dunia yang penuh cabaran. Di sini perpustakaan boleh memainkan peranan dengan merangka dan menyediakan program-program yang sesuai, contohnya penilaian semula program pendidikan pengguna kerana generasi *google* tidak semestinya mempunyai pengetahuan yang tinggi. Dengan limpahan maklumat, para pelajar perlu dibimbing untuk menggunakan teknologi secara berkesan dan mendapat nilai yang maksima daripadanya (Husrt, 2013).

## **8. Pembudayaan ilmu dari sudut pandang Islam**

Tuan/puan sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Saya percaya semua agama di dunia ini mengajak penganutnya untuk berilmu, semua agama mempunyai kitab sebagai panduan dan pegangan, begitu juga Islam. Bagaimana islamisasi ini mempengaruhi betapa pentingnya ilmu dalam kehidupan dan perlu dibudayakan. Ini terbukti melalui ayat pertama yang diturunkan kepada junjungan besar Rasulullah saw iaitu dari surah al-alaq 1-5 : Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan, Telah

menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah, yang mengajar kepada manusia apa-apa yang tidak diketahuinya. Dari Anas bin Malik r.a katanya Rasulullah saw bersabda ` menuntut ilmu adalah fardu wajib atas tiap-tiap seorang Islam.

Secara logiknya mudah sahaja, tanpa ilmu adakah dapat kita beribadat? Mesti ada ilmu untuk kita beribadah, nak solat kena belajar solat dahulu baru boleh melakukannya. Jika konsep ini diteruskan tiada masalah untuk kita membudayakan ilmu dalam setiap aspek kehidupan.

## **9. Penutup**

Untuk menjadi manusia yang berakhlak dan berhemah tinggi, memerlukan ilmu pengetahuan samada dalam bentuk pengalaman, kuliah-kuliah dan juga melalui pembacaan.

Akhir kata, ingin saya memetik kata-kata lahir daripada Profesor Doktor Yusuf Al-Qardhawi, iaitu:

"Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku."

